

## **Tahap Penyalahgunaan Dadah Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Amat Membimbangkan - TPM**

**ZAHID HAMIDI - Deputy Prime Minister of Malaysia**

**October 25, 2016**

**By Admin**

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi melahirkan kebimbangan kerajaan berhubung tahap penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar sekolah.

“Kerajaan bimbang dengan penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar dan gambarannya di sini, masyarakat dan golongan ibu bapa perlu bersama kerajaan, jangan hanya mengharapkan agen-agensi semata-mata untuk memerangi dadah.”

Antara negeri tertinggi ialah Kelantan, Kedah dan Perak yang berdepan dengan masalah tersebut.

Zahid Hamidi berkata, berdasarkan kajian yang dilakukan Kementerian Pendidikan ke atas 35,755 pelajar tingkatan satu hingga enam, sejumlah 1,457 positif dadah.

Menurutnya daripada jumlah tersebut, pelajar tingkatan lima dan empat merupakan kumpulan terbesar yang terlibat dengan najis dadah, membentuk 73.1 peratus daripada keseluruhan jumlah yang direkodkan.

“Pengedar dadah kini bertindak menggunakan pelajar untuk menjadi penagih supaya pasaran dadah dapat dipertingkatkan,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Membanteras Gejala Dadah di bangunan Parlimen hari ini.

Zahid Hamidi yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, 74 peratus daripadanya mengambil methamphetamine, 20 peratus kanabis dan selebihnya dadah jenis lain.

Beliau seterusnya berkata antara cadangan yang dikemukakan pada mesyuarat itu ialah mengambil langkah mencairkan aset pengedar dadah yang dirampas dan dijatuhkan hukuman oleh mahkamah.

“Kita rampas semua aset dan harta itu dan kita mohon mahkamah agar mencair dan menunai aset itu dan hasil penjualan boleh digunakan untuk bantu aspek pencegahan dan pemulihan,” katanya.

Beliau berkata mesyuarat turut meluluskan cadangan menubuhkan Makmal Khas Ujian Dadah Berbahaya di Hospital Kuala Lumpur.

Mengenai cadangan mahkamah khas bagi membicarakan kes berkaitan dadah, beliau berkata ia telah bermula sekali gus mempercepat proses perbicaran dan keputusan mahkamah.

Zahid Hamidi berkata kementerian juga akan meneruskan usaha memperkasakan tindakan sedia ada oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) supaya lebih berkesan.

“Kita akan bertemu 30 hari akan datang (untuk mesyuarat ini). Saya tak mahu lagi lihat keputusan hanya di atas kertas dan ia perlu diterjemahkan dalam bentuk operasi dan tindakan susulan,” katanya.

Dalam perkembangan yang sama, beliau berkata, Pelan Strategik Memerangi Dadah Kebangsaan akan mula dikuatkuasakan bulan depan.

**Copyright of Blog at WordPress.com.**

Source: <https://zahidhamidi.com/2016/10/25/tahap-penyalahgunaan-dadah-dalam-kalangan-pelajar-sekolah-amat-membimbangkan-tpm/>